

Headline	Kajian diteruskan untuk fasa praklinikal dan klinikal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Nov 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	25	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	484 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,868
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,603



Kajian diteruskan untuk fasa praklinikal dan klinikal

DR. Nurhanan Murni Yunos berkata, SEEL30 dihasilkan dengan menggunakan tongkat ali yang ditanam di ladang Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Maran, Pahang bagi memastikan sumber bahan mentah berterusan pada masa akan datang dan juga dapat mengurangkan kemusnahan atau kepupusan spesies tersebut.

"SEEL30 juga dihasilkan dengan kaedah mesra alam," ujarnya sambil memberitahu sasaran utama pengguna inovasi tersebut adalah pesakit kanser yang telah menjalani pembedahan atau rawatan kemoterapi.

Produk tersebut berkualiti kerana keaslian bahan mentahnya dijamin daripada spesies tongkat ali. Penggunaan bahan mentah asli perlu bagi menangani isu produk-produk yang didakwa mempunyai kandungan tongkat ali tetapi ruparupanya palsu.

Justeru dalam jangka masa panjang, SEEL30 berpotensi dibangunkan sebagai agen atau rawatan anti-kanser sekiranya dibantu dana khas bagi menjalankan ujian praklinikal dan klinikal dan mendapat kerjasama daripada hospital.

Penyelidikan tersebut yang bermula pada 2016 berjaya setakat ini menghasilkan SEEL30. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2020 adalah fasa penemuan dan pembangunan ekstrak piawai antikanser manakala kajian akan

• SEEL30 adalah ekstrak berkualiti yang dihasilkan dari teknik pengekstrakan khas.

• Ekstrak SEEL30 larut air



• Hasil ekstrak SEEL30 ini juga adalah lebih tinggi (sebanyak empat peratus) berbanding ekstrak yang dihasilkan menggunakan pelarut bukan air seperti ethanol (kurang daripada satu peratus).

• SEEL30 boleh dibangunkan sebagai ramuan produk penjagaan kesihatan dalam jangka masa pendek dan boleh dibangunkan sebagai agen antikanser.

• Inovasi ini telah melonjakkan potensi tongkat ali bukan sahaja boleh digunakan oleh golongan lelaki tetapi juga wanita dan tidak semestinya oleh pesakit kanser.

diteruskan sehingga ke peringkat praklinikal dan klinikal bermula pada 2021 dan seterusnya.

Penyelidikan tersebut turut mendapat kerjasama Pusat Teknologi Herba, FRIM Bahagian Inovasi dan Komersialisasi, FRIM dan FRIM Incorporated Sdn. Bhd.

Dr. Nurhanan memberitahu, dana

penyelidikan sebelum ini adalah daripada FRIM dan dana Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas dan bagi fasa pengkomersialan kelak, ia memerlukan sokongan dana pihak industri.

"Inovasi ini boleh diaplikasi dalam industri makanan, halal dan industri ubatan (nutraseutikal dan farmaseutikal)," katanya.



NURHANAN (tiga, kiri) bersama ahli-ahli kumpulan SEEL30 yang memenangi pingat perak dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2020.